

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN : 152**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab bekalan dadah dapat diedarkan kepada banduan dalam penjara dan luar penjara seperti banduan yang menjalankan rawatan hospital sedangkan ada warden yang menjaga dan mengawal mereka seperti Penjara Sg. Buloh dan Hospital Sg. Buloh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah agensi koreksional, Jabatan Penjara Malaysia memandang serius dan sentiasa mengambil tindakan tegas berhubung isu penyeludupan artikel larangan termasuk dadah. Hasil kawalan, risikan, pemeriksaan, tangkapan dan siasatan oleh Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan dadah boleh diseludup masuk dengan pelbagai cara iaitu secara balingan dari luar tembok penjara, penyeludupan melalui anggota badan, pakaian, kenderaan termasuklah dengan cara menelan. Berasaskan tindakan yang telah diambil dan rampasan yang dibuat didapati kuantiti dadah yang diseludup adalah amat kecil.

Terdapat segelintir pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab termasuklah penghuni, keluarga, kenalan penghuni, pihak yang berurusan di penjara serta anggota telah bersubahat menyeludup dadah ke dalam penjara. Walaupun kuantiti dadah yang diseludup masuk amatlah kecil, tindakan tegas melalui saluran undang-undang akan diteruskan terhadap semua pihak yang terlibat termasuklah anggota

yang curang. Tindakan-tindakan yang diambil bagi mencegah penyeludupan dadah ke dalam penjara antaranya seperti berikut:

- i. Kerjasama dengan PDRM dan Jabatan Penjara – Jabatan Penjara menyalurkan maklumat penglibatan kakitangan penjara dalam pengedaran dadah dalam penjara. Tindakan lanjut adalah menahan individu tersebut di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ataupun tindakan di mahkamah menggunakan peruntukan perundangan yang berkaitan;
- ii. Kerjasama dengan SPRM – menyalurkan maklumat mengenai penyalahgunaan kuasa dan pengambilan duit oleh kakitangan penjara;
- iii. Menubuhkan Unit Teknikal Risiko Dan Siasatan bagi mendapatkan maklumat penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara serta bertindak sebagai langkah pencegahan dan bekerjasama dengan PDRM, orang awam dan lain-lain pihak;
- iv. Melaksanakan sistem kuarantin terhadap penghuni yang baru masuk atau baru pulang dari urusan di luar penjara seperti hospital dan mahkamah;
- v. Mempertingkatkan sistem kawalan, pemantauan dan pemeriksaan terhadap pergerakan penghuni;
- vi. Melaksanakan pengasingan dan pengkategorian penghuni yang berlatar belakangkan kesalahan dadah dan seterusnya menyediakan modul pemulihan khas untuk mereka;
- vii. Menyediakan kesedaran terhadap penghuni berhubung peraturan, kesalahan serta tata tertib penjara termasuklah kesalahan menyeludup artikel larangan;
- viii. Menjalankan ujian air kencing terhadap penghuni dan juga kakitangan;

- ix. Menjalankan pemeriksaan yang rapi secara rutin dan juga secara mengejut tanpa mengira waktu;
- x. Menyediakan peralatan yang bersesuaian seperti kerusi pengimbas, metal detector serta membuat pengimbas badan (*body scanner*) bagi tujuan pemeriksaan dan kawalan terhadap penghuni;
- xi. Bekerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain bagi menyediakan maklumat serta tindakan yang bersesuaian; dan
- xii. Melaksanakan dasar jabatan iaitu 'tidak berkompromi dengan sebarang bentuk penyeludupan artikel larangan' melalui tindakan tatatertib atau perundangan yang tegas terutamanya terhadap kakitangan yang terlibat.